



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : SEJARAH SENI DAN SENIBINA
KOD KURSUS : DRD 1043
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
 2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
 3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
 4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
 5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
 6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.
-

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 15 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas Jawapan.

1. Apakah definisi bagi seni bina?

- A** Satu bidang menggabungkan teknologi dan sains untuk menghasilkan suatu binaan.
- B** Satu bidang menggabungkan seni dan sains untuk menghasilkan suatu binaan.
- C** Satu bidang menggabungkan seni dan ukiran untuk menghasilkan suatu binaan.
- D** Satu bidang menggabungkan seni dan elemen untuk menghasilkan suatu binaan.

2. Antara berikut, pilih kenyataan yang benar tentang ciri seni bina Mesir Purba.

- i. Penggunaan batu kapur untuk pembinaan piramid.
- ii. Bata lumpur digunakan untuk pembinaan bangunan pembesar.
- iii. Rumah dibina menggunakan lumpur yang diambil daripada Sungai Nil.
- iv. Menggunakan prinsip kehidupan sebelum mati lebih penting daripada selepas mati.

A i, ii, iii

B i, ii, iv

C ii, iii, iv

D i, ii, iii, iv

3. Nama jenis tiang yang digunakan semasa tamadun Greek ialah:


- A** *Ionic, Doric* dan *Corinthian*.
- B** *Doric, Egyptian* dan *Tuscan*.
- C** *Ionic, Tuscan* dan *Composite*.
- D** *Corinthian, Composite* dan *Abacus*.



Soalan 4 berdasarkan **Gambarajah A**

4. Apakah jenis *column* yang digunakan dalam ruang pada gambarajah A?
 - A Greek Doric.
 - B Roman Doric.
 - C Greek Corinthian.
 - D Roman Composite.

5. Apakah fungsi *catacomb* semasa tamadun Awal Kristian?
 - A Lukisan tangan di siling gereja.
 - B Tempat perkuburan di bawah gereja.
 - C Tingkap tinggi yang dipasang di gereja.
 - D Tempat perhimpunan bagi orang Kristian.



Soalan 6 dan 7 berdasarkan **Gambarajah B**

6. Namakan elemen seni bina ‘X’ di dalam gambarajah B.
 - A *Dome*
 - B *Clerestory*
 - C *Pendentive*
 - D *Flying buttress*

7. Apakah fungsi elemen seni bina ‘X’?
 - A Untuk memasang *clerestory* pada kubah.
 - B Untuk membuat profil bulat dalam pembinaan kubah.
 - C Untuk menyokong struktur semasa pembinaan kubah.
 - D Untuk memberi keseimbangan visual dalam pembinaan kubah.

8. Pilih kenyataan yang betul tentang seni bina *Baroque*.
 - A Berkembang di Perancis.
 - B Penggunaan arca yang terbuka.
 - C Bersifat seni yang sarat, dramatik dan serius.
 - D Menggambarkan ketenangan dan kebebasan.




Soalan 9 berdasarkan **Carta 1**

- 9.** Berdasarkan carta 1, 'Y' mewakili hasil ciptaan semasa fasa kedua Revolusi Industri iaitu
- A** Mesin tenun dan kereta api wap.
 - B** Bessemer converter dan dinamo.
 - C** Kincir air dan mesin pembakar besi.
 - D** Mesin wap dan mesin pemintal benang.
- 10.** Antara berikut, pilih *façade* utama *Sagrada Familia*.
- i. *Glory*
 - ii. *Nativity*
 - iii. *Victoire*
 - iv. *Passion*
- A** i, ii, iii
 - B** i, ii, iv
 - C** ii, iii, iv
 - D** i, ii, iii, iv
- 11.** Apakah perbezaan di antara *Prairie style* dan *Usonian style*?
- A** *Prairie style* menggunakan material yang murah.
 - B** *Usonian style* lebih mewah daripada *Prairie style*.
 - C** Profil bangunan yang sama antara *Prairie style* dan *Usonian style*.
 - D** *Prairie style* menggunakan bahan material yang lebih berkualiti berbanding *Usonian Style*.

12. Berikut adalah warna-warna utama yang digunakan dalam reka bentuk *De Stijl*:

- A merah, biru, kuning dan hitam.
- B merah, hijau, kuning dan putih.
- C merah, hijau, biru, hitam dan putih.
- D merah, biru, kuning, hitam dan putih.



Soalan 13 berdasarkan **Gambarajah C**

13. Apakah gaya seni bagi lukisan gambarajah C?


- A Rationalism.
- B Expressionism.
- C Constructivism.
- D Postmodernism.

14. Antara gambar hasil seni di bawah, karya yang manakah dihasilkan oleh Piet Mondrian?

i.



ii.



iii.



iv.



- A ii
- B i, ii
- C ii, iii
- D iii, iv

15. Prinsip '*Excessive, sophisticated, wealth*' diaplikasi oleh gaya seni

- A *De Stijl*.
- B *Art Deco*.
- C *Postmodernism*.
- D *International Style*.

16. Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri senibina *Memphis*?

- i. Gaya *Kitsch*.
- ii. Produk dihasilkan secara one-off.
- iii. Penggunaan bahan berteknologi tinggi.
- iv. Penggunaan konsep *bowellism* dalam rekaan.

A i, ii

B iii, iv

C ii, iii, iv

D i, ii, iii, iv

17. Terma ‘Less is bore’ diperkenalkan oleh

- A** Le Cobusier.
- B** Louis Sullivan.
- C** Robert Venturi.
- D** Frank Lloyd Wright.

18. Ciri-ciri senibina *Postmodernism* ialah

- i. Menyanggah nilai perincian ‘pure’.
- ii. Menjauhi warna *neutral* dan putih.
- iii. Penggunaan bahan bermutu tinggi dan mesra alam.
- iv. Struktur rangka yang terdedah dari bahan bermutu tinggi.

A i, ii

B i, iii

C ii,iv

D i,ii,iii

19. The Gherkin rekaan Norman Foster dibina dengan gaya seni bina

- A *Postmodernism.*
- B *High-technology.*
- C *International style.*
- D *Memphis architecture.*



Soalan 20 berdasarkan **Gambarajah D**

20. Gambarajah D menggambarkan gaya seni bina *Deconstructivism* kategori

- A *Chaos.*
- B *Angular.*
- C *Organic.*
- D *Layering.*

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda di Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Sebelum bermulanya sejarah tamadun, manusia membina tempat perlindungan berdasarkan adaptasi dari alam semula jadi.

- a. Lakarkan Stonehenge.

(2 markah)

- b. Senaraikan **tiga (3)** fungsi Stonehenge.

(3 markah)

Seni bina Mesir Purba banyak dipengaruhi oleh faktor geografi kawasan setempat.

- c. Terangkan proses pembuatan *mud brick*.

(3 markah)

- d. Namakan **dua (2)** contoh binaan yang menggunakan *mud brick* sebagai bahan binaan.

(2 markah)

SOALAN 2

Arts Nouveau merupakan gerakan seni yang bermula di antara tahun 1890-1910 di Eropah.

- a. Nyatakan **dua (2)** faktor perkembangan gaya seni *Art Nouveau*.
(2 markah)
- b. Senaraikan **dua (2)** contoh binaan rekaan Antoni Battlo yang dibina menggunakan gaya *Art Nouveau*.
(2 markah)
- c. Lakarkan **tiga (3)** contoh hasil seni rekaan daripada gaya seni *Art Nouveau*.
(6 markah)

SOALAN 3

Gaya seni dan seni bina berubah mengikut peredaran zaman.

Namakan **satu (1)** senibina yang ikonik bagi setiap satu gaya senibina berikut:

- i. Mesir Purba
- ii. *Roman*
- iii. *Byzantine*
- iv. Revolusi Industri
- v. *Art and Craft Movement*
- vi. *Art Deco*
- vii. *Postmodernism*
- viii. *Frank Lloyd Wright*
- ix. *High- technology*
- x. *Deconstructivism*

(10 markah)

SOALAN 4

Frank Lloyd Wright merupakan seorang arkitek yang terkenal. Pada tahun 1911, beliau digelar sebagai “*the greatest American architect of all time*” oleh American Institute of Architects (AIA).

- a. Nyatakan **tiga (3)** kategori gaya yang digunakan oleh beliau.
(3 markah)
- b. Berdasarkan jawapan anda di (a), pilih satu kategori gaya dan senaraikan **empat (4)** ciri gaya seni kategori tersebut.
(4 markah)
- c. Lakarkan secara ringkas **satu (1)** contoh bangunan berdasarkan jawapan anda di (b).
(3 markah)

SOALAN 5


- a. Nyatakan **dua (2)** bangunan di Malaysia yang menggunakan gaya seni bina *Postmodernism*.
(2 markah)
- b. Berikan **empat (4)** perbezaan di antara gaya seni bina *Modernism* dan *Postmodernism*.
(8 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1**A****B**

Soalan 1 berdasarkan **Gambarajah F**

Gaya senibina klasikal menyaksikan perbezaan dari segi elemen seni bina dalam pembinaan bangunan.

Berdasarkan gambarajah F:

- a. Nyatakan nama gaya seni bina Gereja A dan Gereja B.
(2 markah)
- b. Lakarkan **satu (1)** contoh *vault* bagi Gereja A dan Gereja B.
(4 markah)
- c. Huraikan sebab berlakunya perbezaan kemasukan cahaya masuk ke ruang dalaman bagi Gereja A dan Gereja B.
(3 markah)

- d. Jelaskan **tiga (3)** perbezaan ciri-ciri seni bina di antara dua gereja di atas dalam jadual di bawah.

| Gereja A | Gereja B |
|----------|----------|
| | |
| | |
| | |
| | |

(6 markah)

SOALAN 2

Berdasarkan pengetahuan anda tentang gaya seni abad ke-19 dan abad ke-20:

- a. Lakarkan contoh reka bentuk setiap kategori berikut mengikut gaya seni yang disenaraikan mengikut format jadual di bawah:

| Kategori | Gaya Seni | | |
|----------|-------------------------------|-----------------|-----------------|
| | <i>Art and Craft Movement</i> | <i>Art Deco</i> | <i>De Stijl</i> |
| Kerusi | | | |

(6 markah)

- b. Terangkan **tiga (3)** perbezaan ciri-ciri seni bina bagi setiap satu gaya seni tersebut dalam jadual di bawah.

| Gaya Seni | | |
|-------------------------------|-----------------|-----------------|
| <i>Art and Craft Movement</i> | <i>Art Deco</i> | <i>De Stijl</i> |
| | | |
| | | |
| | | |

(9 markah)


SOALAN 3

Deconstructivism merupakan sambungan gaya seni bina *Postmodernism* yang menolak ukiran sebagai elemen dekorasi.

Berdasarkan gambar objek yang diberikan di bawah, lakarkan olahan rupa bentuk objek tersebut berdasarkan hasil idea anda sendiri mengikut gaya seni *Deconstructivism*.



Bentuk Asal A




Deconstructivism A


i.




ii.




iii.



iv.



v.



(15 markah)

[30 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**